

16 MAR 2001

Saman-Jumlah

HAKIM BOLEH HADKAN JUMLAH GANTI RUGI DALAM KES SAMAN

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Hakim boleh menghadkan jumlah ganti rugi yang diputuskan dalam kes-kes saman kerana fitnah dengan memberi mesej yang jelas mengenai apa yang adil dan berpatutan, menurut Persatuan Undang-undang Perubatan Malaysia hari ini.

Presidennya S. Radhakrishnan berkata menghadkan jumlah ganti rugi dalam kes-kes saman boleh dilakukan melalui campurtangan kehakiman.

" Hakim melalui perisytiharan mereka boleh mempengaruhi jumlah ganti rugi," kata beliau kepada Bernama berikutan kontroversi sekarang berhubung dengan saman menuntut ganti rugi berjumlah berjuta-juta ringgit yang dikemukakan di seluruh negara sejak akhir-akhir ini.

Radhakrishnan berkata campurtangan statutori untuk menghadkan jumlah ganti rugi oleh mahkamah telah dilakukan pada 1984 apabila kerajaan meminda Akta Mahkamah Sivil 1956 kerana terdapat percanggahan besar dalam keputusan mahkamah berhubung dengan tindakan bagi ganti rugi kerana nama baik teruk terjejas secara peribadi.

Beliau berkata kerajaan memperkenalkan pindaan itu untuk memantau jumlah ganti rugi tinggi yang diputuskan dalam kes-kes yang nama baik seseorang teruk terjejas secara peribadi.

Beliau berkata ketika menjustifikasikan campurtangan kerajaan untuk menghadkan jumlah ganti rugi bagi kes-kes seperti itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika itu berkata ia perlu untuk mengelakkan Malaysia daripada menjadi masyarakat yang cenderung membuat tuntutan seperti sesetengah negara Barat.

Dr Mahathir berkata dalam jangka panjang, masyarakat dan bukan syarikat-syarikat insurans yang perlu menanggung kos bagi jumlah ganti rugi yang tinggi itu.

" Pada 1984, kerajaan berpendapat memang sesuai untuk memperkenalkan pindaan itu. Oleh itu, sudah ada duluan dan jika ada keperluan untuk memperkenalkan undang-undang berhubung dengan perkara itu, ia masih boleh dilakukan dengan meminda Akta Fitnah," kata Radhakrishnan.

Ini akan menyediakan garis panduan yang sempurna mengenai penilaian ganti rugi dalam kes-kes seperti itu.

Beliau berkata tidak termasuk akal jika jumlah ganti rugi yang diberikan dalam kes-kes seperti itu adalah melebihi jumlah ganti rugi bagi kes-kes kematian atau kecederaan parah.

Presiden Majlis Peguam Sulaiman Abdullah semalam berkata adalah "memeranjatkan" bahawa jumlah ganti rugi yang diputuskan dalam kes-kes fitnah membabitkan berjuta-juta ringgit sementara bagi kerosakan peribadi masih kecil.

" Amat malang sekali dan memeranjatkan bahawa plaintif yang kehilangan kaki menerima ganti rugi yang tidak setimpal dengan ganti rugi yang diterima oleh mereka yang hilang reputasi," kata Sulaiman.

Radhakrishnan juga menyambut baik pengumuman oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim bahawa kerajaan akan menemui semua pihak berkaitan bulan depan bagi mengkaji pelbagai syor yang diterima tentang bagaimana untuk menangani kes saman kerana fitnah membabitkan jumlah yang tinggi bagi ganti rugi.

-- BERNAMA

AU AU FAZ